

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
SMKA RANTAU ABANG, TERENGGANU
MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI PUTERI PERGERAKAN PUTERI
ISLAM PERHUBUNGAN NEGERI TERENGGANU
24 MEI 1999

Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa syukur kehadiran Ilahi atas limpah kurniaNya kepada kita semua kerana dapat berkumpul beramai-ramai dalam keadaan aman, mesra dan selesa. Syukur Alhamdulillah! semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala memberkati Majlis kita ini, Insya-Allah.

2. Saya berterima kasih kepada Pergerakan Puteri Islam Perhubungan Negeri Terengganu kerana menjemput saya dan memberi peluang untuk saya bermesra dan berucap kepada hadirin hadirat sekalian.

3. Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Pergerakan Puteri Islam Perhubungan Negeri Terengganu di bawah pimpinan ang Amat Berbahagia Dato' To' Puan Seri Hajah Aishah Tun kerana telah berjaya menganjurkan Hari Puteri pada tahun ini. Ini adalah kali yang pertama saya hadir dalam perjumpaan sedemikian rupa dan saya amat gembira diberi tahu bahawa Negeri Terengganu amat aktif sekali dalam Pergerakan Puteri Islam ini. Syabas dan tahniah!

4. Perhimpunan Hari Puteri sangat besar maknanya kepada ahli Pergerakan Puteri Islam kerana dengan perjumpaan ini ahli Pergerakan Puteri Islam dapat bermesra, memupuk semangat kerjasama dan berganding bahu dalam usaha memaju dan mempertingkatkan kebolehan dan potensi diri ke arah melahirkan generasi yang cemerlang.

5. Pergerakan Puteri Islam ditubuhkan dengan hasrat dan cita-cita yang amat tinggi dan mulia. Ia bertujuan membimbing anak muda khasnya gadis Islam dari segi akhlak rohani dan jasmani supaya menjadi insan yang hidup berlandaskan ajaran Islam, berbakti untuk agama, bangsa dan negara. Dengan ini diharapkan Pergerakan Puteri Islam menjadi benteng yang kukuh untuk membendung masalah sosial yang melanda negara kita hari ini.

6. Masalah remaja kini sering menjadi bahan perbualan masyarakat dan tajuk utama berita media. Permasalahan sosial dalam masyarakat, terutama remaja, semakin kritikal dan kronik, disebabkan budaya akhlak dalam diri sendiri merosot dan terpengaruh dengan budaya kehidupan barat yang memang runtuh nilai-nilai akhlaknya. Penglibatan mereka dalam budaya yang tidak sihat seperti gangsterism, vandalism, bersekedudukan, buang bayi, budaya lepak tak kira samada di kafe siber atau pusat hiburan, penagihan dadah, tidak taat kepada ibubapa dan lain-lain membuktikan bahawa generasi kita semakin nipis dengan adab-adab dan budaya dan nilai-nilai hidup ketimuran turun-temurun.

7. Media tertentu seperti bahan bacaan hiburan yang berperanan membentuk minda pula semakin berani menyelitkan isu-isu tidak wajar serta aksi pelaku-pelaku yang tidak mencerminkan moraliti dan keterlaluan dibiarkan berleluasa tanpa kawalan bahkan sentiasa mendapat tempat di hati remaja. Apakah sudah tidak ada alternatif lain untuk mengisi kekosongan minda dan jiwa remaja yang sedang mekar ini?

8. Pada masa kini timbul pula masalah pelajar yang terlibat dengan aktiviti anti Kerajaan, khususnya tunjuk perasaan, perhimpunan haram, merusuh. Perbuatan itu bukan sahaja bertentangan dengan dasar Kerajaan malah boleh menjejaskan pembelajaran dan masa depan mereka, lebih-lebih lagi jika pelajar berkenaan didapati bersalah hingga terpaksa dikenakan tindakan gantung atau buang sekolah. Perbuatan seperti ini membimbangkan banyak pihak kerana kalau tidak dibendung akan menjejaskan juga imej sekolah dan guru-guru sebagai satu institusi pendidikan yang murni dan mulia.

9. Selain pada unsur-unsur negatif yang terbuka, sekarang tanpa disedari segulungan umat Islam sendiri memainkan peranan memesongkan dan menanam unsur-unsur negatif dalam jiwa kanak-kanak kecil dan remaja untuk keuntungan dan kepuasan sendiri. Budaya-budaya mulia seperti bersyukur, menghormati ibubapa dan warga tua, bersopan santun dalam tutur bahasa dan kelakuan ditukar kepada budaya tidak bersyukur atau berterima kasih kepada orang yang berbudi, diajar kanak-kanak kecil membenci kepada orang-orang yang tertentu dan tidak menghormati orang tua mereka. Amatlah sedih sekali perkara ini dilakukan atas kanak-kanak kecil yang masih belum fahampun apa perasan-perasaan sayang, benci dan dendam.

10. Aktiviti-aktiviti yang positif bagi Puteri Islam banyak diaturkan. Ahli-ahli Pergerakan Puteri Islam perlu terus melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan yang lebih mencabar dan dapat mempertingkatkan diri dalam menghadapi cabaran hidup abad ke-21. Saya berharap semua ahli Puteri Islam yang menyertai Hari Puteri ini dapat menggunakan peluang dengan sebaik-baiknya untuk mpertingkatkan amalan-amalan yang boleh menambahkan pengetahuan melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan kekuatan keyakinan diri masing-masing menerusi aktiviti lasak seperti kembara.

11. Puteri Islam perlu juga menghargai dan pertahankan diri melengkapkan diri dengan benteng-benteng pertahanan-pertahanan dengan memantapkan agama dan ilmu. Semoga Puteri Islam akan menjadi wanita dinamik yang mempunyai jati diri yang unggul.

12. Pada bulan ini juga kita telah meraikan Hari Belia dan Hari Guru Kebangsaan kerana mengiktirafkan betapa pentingnya dua golongan masyarakat yang terbesar ini dalam suatu bangsa yang ingin maju, berilmu dan berbudaya mulia dan tinggi. Puteri-puteri Islam adalah dari golongan belia yang akan mewarisi jenerasi kita. Pemimpin-pemimpin Pergerakan dan guru-guru adalah guru-guru mereka dan bertanggungjawab untuk menentukan Puteri-puteri ini mempunyai pelbagai kemahiran diri bagi melahirkan muslimah yang sejahtera dan cemerlang. Mereka penting dilatih dengan

sifat-sifat kepimpinan yang tulin dan rasa tanggungjawab, sabar dan berani.

13. Harapan saya terhadap gadis-gadis yang menyertai Pergerakan Puteri Islam seluruh negara mungkin serupa dengan harapan ibubapa-ibubapa yang hadir dalam majlis ini.

14. Saya ingin melihat Puteri Islam sihat dan cergas, cerdik dan pandai, membangunkan dirinya dengan berbagai keilmuan.

15. Saya ingin melihat Puteri Islam dipupuk dengan amalan-amalan tradisi dan nilai-nilai Islam yang mulia, supaya mereka tahu bersyukur dan berterima kasih, pandai menghormati ibubapanya dan orang tua. Puteri Islam harus sentiasa berinsaf dan sedar supaya akan timbul dalam sanubari mereka perasaan sabar, penyayang dan bertimbang rasa, bermurah hati dan prihatin atas nasib orang lain dan berbakti kepada masyarakat.

16. Saya ingin melihat Puteri Islam berusaha mempertahankan perpaduan dan harmonis antara Ummah dan masyarakat berbilang kaum. Kemesraan akan mempertahankan keamanan dan pendamaian dalam negara yang tercinta ini. Oleh itu saya berharap Puteri Islam akan bersemangat cintakan agama, bangsa dan akan taat setia kepada negara dan bersyukur atas segala nikmat yang Allah Subhanahu wa Ta'ala telah kurniakan kepada setiap satu kita di bumi yang bertuah ini. Inilah harapan saya terhadap anak-anak yang menyertai Pergerakan Puteri Islam.

17. Semoga Pergerakan Puteri Islam terus berjaya dengan memajukan wanita Negeri Terengganu dari peringkat sekolah hinggalah ke dewasa.